

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Selasa, 2 Jun 2020 9:31 pg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Kembali Bekerja, Teruja Bersua Dengan Rakan-Rakan



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

2 JUN 2020 / 10 SYAWAL 1441H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

KEMBALI BEKERJA, TERUJA BERSUA DENGAN RAKAN-RAKAN



UUM ONLINE: Setelah kampus lengang hampir tiga bulan, deretan kenderaan mula kelihatan memasuki pintu utama UUM selepas arahan kembali bekerja dikeluarkan yang mengkehendaki staf bekerja seperti biasa mulai semalam.

Seawal jam 8 pagi, baik kereta atau motosikal memasuki pekarangan universiti dan diambil suhu badan oleh pengawal keselamatan bertugas sebelum mereka memasuki pejabat masing-masing.

Kepulangqn staf ke pejabat bermula 1 Jun sudah pasti agak berbeza kerana warga kampus harus mengadaptasi norma baharu ketika berada di pejabat.

Pembantu Akauntan, Shahrulanisah Omar berkata, selepas lebih dua bulan berada di rumah dan bekerja secara 'work from home', kini dia kembali tetapi dengan normal baharu, selain mematuhi arahan dikeluarkan kerajaan dan universiti.

"Sekarang, sebelum masuk kampus perlu membuat pemeriksaan suhu badan agar tidak melebihi bacaan normal ditetapkan.

"Selain itu, apabila berada di dalam kampus perlu memakai pelitup muka dan kerap membasuh tangan dengan sabun atau 'hand sanitizer'," katanya dari Jabatan Bendahari.

Sementara itu, rakannya, Shazlina Ibrahim pula teruja dapat bertemu dengan kawan-kawan selepas terpisah selama lebih dua bulan berikutan penularan pandemik Covid-19.

Menurutnya, dia berasa gembira berjumpa kawan-kawan yang sebelum ini datang ke pejabat secara bergilir-gilir dan kembali bertugas seperti biasa tetapi masih mengamalkan norma baharu.

"Dari segi kerja semua tugas dapat diselesaikan dengan kehadiran staf ke pejabat asalkan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan demi keselamatan bersama," katanya.

Bagi pensyarah STML, Dr. Fadhilah Mat Yamin pula, kebanyakan negara yang berdepan ancaman pandemik telah kehilangan banyak nyawa.

Menurutnya, dia bersyukur kerana keadaan di Malaysia masih terkawal kerana rakyat mematuhi SOP walaupun masih terdapat segelintir yang ingkar.

"Saya berharap agar wabak ini segera berakhir, seterusnya kami warga akademik dan pelajar khususnya dapat kembali semula ke kampus dan menjalani kehidupan yang normal," katanya.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.